

# **HADIS SAHIH DAN MUTAWATIR: SATU PERBANDINGAN ANTARA SUNNI DAN SYI'AH IMAMIYYAH**

**Prof. Madya Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor**

## **Abstract**

*The need of classification in the condition of the hadith valuation between Sunni and Syi'ah Imamiyyah. The impact from the classification effect the 'hukum' between the two mazhab. This article discusses directly regarding the condition of the two medium of mazhab in using the hadith. This article discusses the conditions where fix by Syi'ah Imamiyyah.*

## **Pendahuluan**

Para ulama dari seluruh aliran mazhab dalam Islam sependapat menyatakan hadis-hadis *Sahih* dan *Mutawatir* merupakan sumber hukum kedua dalam Islam dan berfungsi sebagai pengulas kepada sumber hukum yang pertama, yaitu *al-Qur'an al-Karim*, tetapi mereka tidak sependapat dalam menyatakan apakah definisi hadis-hadis *Sahih* dan *Mutawatir*.

## **Latar Belakang Definisi**

Sebelum berlakunya kekacauan diantara umat Islam mengenai soal-soal *Khilafah* yang melahirkan beberapa golongan seperti Syi'ah, Sunni, Khawarij dan lain-lain, umat Islam sepakat menerima bahawa konsep sunnah atau hadis ialah ucapan, perbuatan, perakuan dan sifat yang disandar kepada Nabi s.a.w.. Ciri-ciri ini mempunyai autoritatif dalam syariat Islam, samada berkaitan ibadat, hukum dan perhubungan antara manusia.

Perbezaan definisi hadis serta pembahagiannya kepada *Mutawatir* dan *Ahad* serta kaedah penerimaan riwayat, terutama antara Sunni dan Syi'ah Imamiyyah hanya dikesani setelah munculnya Mu'awiyah sebagai *amir* (ketua pemerintah) di Sham serta menuntut bela dari 'Ali Ibn Abu Talib atas pembunuhan khalifah 'Uthman Ibn 'Affan dan mengisytiharkan penentangan terhadapnya secara terbuka, dengan alasan 'Ali cuai bertindak segera terhadap pembunuhan 'Uthman. Walaupun 'Ali mempunyai alasannya, iaitu bertindak secara hati-hati dan tidak mahu dibuat terburu-buru demi memelihara kesejahteraan umat Islam.

Sejak itu konsep hadis Sahih mula dilihat dari beberapa aspek, definisinya juga turut diubah sesuai dengan kecenderungan setiap golongan terhadap cara menangani isu perebutan *khilafah* dan peralihan kuasa dari khalifah 'Uthman kepada khalifah-khalifah berikutnya.

### **Definisi Hadis Sahih**

(a) Syi'ah Imamiyyah mendefiniskan hadis Sahih sebagai:

Hadis yang berhubung sanadnya kepada imam-imam yang *ma'sum* menerusi rawi-rawi dari aliran Imami yang adil pada semua lapisannya<sup>1</sup>.

(b) *Ahl al-Sunnah* pula mendefiniskannya dengan:

Ucapan, perbuatan dan perakuan yang berhubung sanadnya melalui periwayat yang adil, *dabit*, dari rawi-rawi yang juga adil dan *dabit* tanpa *syudhudh* dan *'illah*.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Muhi al-Din al-Musawi, al-Ghirayfi, *Qawa'id al-Hadith*, al-Najaf, 1388. h. 24.

<sup>2</sup>Jamal al-Din al-Qasimi, *Qawa'id al-Tahdith*, Kaherah, 1961. h. 79.

## Perbezaan Definisi Dan Impikasi Hukum

Dua definisi yang dikemukakan di atas menunjukkan wujudnya perbezaan yang begitu ketara tentang konsep hadis Sahih dalam aliran mazhab Sunni dan Syi'ah. Sekurang-kurangnya dua ciri utama yang mustahak diteliti menurut Syi'ah Imamiyyah bagi menentukan kesahihan sesebuah hadis, iaitu:

- (1) Hadith ialah ucapan, perbuatan dan apa jua yang disandar kepada Nabi s.a.w. dan 12 imam yang dianggap *ma'sum* menurut kepercayaan Syi'ah Imamiyyah.
- (2) Rawi-rawi yang membawa hadis pada semua lapisannya hendaklah terdiri dari pengikut Syi'ah Imamiyyah yang adil.

Definisi hadis *Sahih* yang dikemukakan oleh Sunni jelas tidak mengambil kira dua ciri di atas, kerana menurut mereka, kesahihan sesebuah hadis hanya disyaratkan rawinya hendaklah bersifat adil, *dabit*, sanadnya berhubung hingga kepada Rasulullah s.a.w.. Rawi-rawi tidak disyarat menganut mana-mana fahaman tertentu, hanya cukup dengan sifat-sifat yang dikemukakan di atas.

Perbezaan akidah yang dianuti rawi-rawi hadis diambil kira dalam definisi hadis *Sahih* menurut mazhab Imamiyyah. Manakala dalam definisi hadis *Sahih* menurut Sunni pula menekankan ciri-ciri *'adl*<sup>3</sup> dan taqwa yang menurut mereka sudah cukup untuk mengawal seseorang rawi dari melakukan dusta dalam membawa riwayat.

---

<sup>3</sup>Iltizam yang sempurna dalam urusan agama serta sejahtera dari faktor-faktor yang membawa kepada fasik dan hilang marwah beragama. Lihat Muhammad Ibn Isma'il al-San'ani, *Tawdih al-Afkar li Ma'ani Tanqih al-Anzar*, Kaherah, j. 2: h. 118.

Berdasarkan definisi hadis menurut Syi'ah Imamiyyah seperti yang dikemukakan di atas, hadis meliputi semua ucapan, perbuatan atau perakuan yang diterima dari Imam-imam Syi'ah yang dipercayai terkawal dari melakukan dosa. Imam-imam yang dimaksudkan ialah Nabi s.a.w., Ali Ibn Abu Talib (40 H), al-Hasan Ibn Ali (3 - 50 H.), al-Husayn Ibn `Ali (4 - 61 H.), Ali Zainal Abidin (38 - 95 H.), Muhammad Ibn Ali al-Baqir (57 - 114 H.), Ja'far al-Sadiq (83 - 148 H.), Musa al-Kazim (128 - 183 H.), Ali Ibn Musa al-Rida (148 - 203 H.), Muhammad Ibn Ali al-Jawad (195 - 220H.), Ali Ibn Muhammad al-Hadi (212 - 253 H.), al-Hasan Ibn Ali al-Askari (232 - 260 H.) dan Muhammad al-Mahdi al-Muntazar (256 -dipercayai masih hidup dalam persembunyian dan akan muncul). Sementara Sunni pula membataskan hadis hanya kepada ucapan, perbuatan, perakuan atau sifat yang disandar kepada Nabi s.a.w..

Definisi hadis yang dikemukakan oleh Syi'ah Imamiyyah menunjukkan tidak ada beza antara hadis Rasulullah dan hadis yang diriwayatkan dari 12 imam di atas, tetapi sumber-sumber Syi'ah menyatakan pendustaan terhadap hadis-hadis yang diriwayatkan dari imam-imam itu hanya membawa kepada fasik yang menggugurkan iman tetapi tidak meluputkan akidah Islam.<sup>4</sup>

## Hadis Mutawatir Dan Tidak Mutawatir

Dari perbezaan istilah hadis, turut berbeza pula autoritatif hadis *mutawatir*<sup>5</sup> dan tidak *Ahad* (Hadis yang tidak cukup syarat-syarat *Mutawatir*). Menurut Abu Ja'afar Muhammad Ibn al-Hasan al-Tusi (385 - 460 H.), seorang ulama' besar dari Syi'ah Imamiyyah: "*khobar Mutawatir menjadi hujah, kerana ia memberi pengetahuan yang Qat'i yang tidak lagi wajar diketepikan*". Tetapi khobar itu menurut mereka terbahagi

---

<sup>4</sup>Muhammad Abu Zuhrah, *al-Imamiyyah*, dipetik dari *Rasa'il Abu al-Ma'ali*, Kaherah, t.t., h. 358.

<sup>5</sup>Hadis yang diriwayatkan oleh sekumpulan rawi yang ramai di setiap peringkat, mustahil pada kebiasaannya mereka bermuafakat melakukan dusta.

dua, iaitu *Mutawatir* dari Nabi s.a.w. dan *Mutawatir* dari imam mereka yang dikatakan *Ma'sum* (terkawal) itu. Prinsip ini diperakukan begitu, kerana imam adalah jurucakap dari Nabi dan Allah, cuma wahyu sahaja tidak diturun kepada mereka.<sup>6</sup>

Menurut Muhammad Abu Zuhrah: "*Ulasan al-Tusi di atas menunjukkan khabar Mutawatir tidak memerlukan sanad yang Muttasil (berhubung) kepada Nabi atau imam, sedangkan ulama Sunni berpendapat sanad hadis Mutawatir juga hendaklah berhubung terus kepada Nabi s.a.w.. Justeru itu, hadis yang boleh disifatkan Mutawatir menurut tafsiran ini, tidak banyak diperolehi, berbanding dengan Mutawatir mengikut tafsiran Syi'ah Imamiyyah*".<sup>7</sup>

Berasaskan perbezaan tafsiran konsep *Mutawatir* antara dua aliran ini, hadis *al-Ghadir* dari segi sanadnya menurut ulama` Sunni tidak mencapai tahap *Mutawatir*.

Manakala khabar *Ahad*, iaitu khabar yang tidak lengkap syarat-syarat *mutawatir*, menurut tafsiran Syi'ah Imamiyyah, khabar itu hanya layak diterima apabila rawinya terdiri dari pengikut Syi'ah Imamiyyah.<sup>8</sup>

Menurut al-Tusi khabar *Ahad* hanya layak dijadikan hujah di dalam hukum syara', apabila periwayatnya terdiri dari pengikut mazhab Syi'ah Imamiyyah. Ungkapan ini bermaksud, jika periwayat itu tidak dari kalangan Syi'ah Imamiyyah, maka hadisnya ditolak, kerana riwayat dari penganut mazhab bukan Imamiyyah tidak diperakukan sebagai *Maqbul* (layak diterima). Al-Tusi lebih cenderung kepada menolak semua riwayat yang bersumber dari rawi yang tidak bermazhab Imamiyyah, malah di

---

<sup>6</sup>Muhammad Abu Zuhrah, *al-Imamiyyah*, h. 360.

<sup>7</sup>*Ibid.*

<sup>8</sup>Al-Ghurayfi, *op.cit.* h. 27.

samping itu, sebagai syarat tambahan, sanad dalam riwayat itu hendaklah bersambung kepada imam-imam atau salah seorang dari 12 imam yang mereka akui dan diakui sah oleh murid-murid yang menyebarkan pengajarannya.

Kecenderungan al-Tusi ini membayangkan perlunya dua syarat tambahan bagi melayakkan sesebuah hadis *Ahad* itu diterima, iaitu:

- (i) Rawinya hendaklah dari penyokong atau pengikut mazhab Imamiyyah.
- (ii) *Syaikh* yang berakhir kepadanya sanad hendaklah terdiri dari Imam-imam atau salah seorang dari dua belas imam yang dikatakan *maksum* (terkawal) itu.

Syarat yang kedua ini sebenarnya merupakan inti kepada ajaran dalam mazhab Syi'ah Imamiyyah. Ini kerana jika seseorang rawi dari Imamiyyah meriwayatkan hadis *Ahad* menerusi jalan sanad yang bukan Imamiyyah, maka riwayatnya ditolak, sekalipun riwayat itu berhubung hingga kepada Nabi s.a.w. menerusi rawi-rawi bukan Imamiyyah. Dengan kata lain, Syi'ah Imamiyyah tidak menerima sebarang riwayat, kecuali dari *Ahl al-Bayt* jua. Tetapi syarat di atas, pada kenyataannya membawa erti tidak semua *Ahl al-Bayt* layak meriwayatkan hadis, kerana mereka tidak semestinya imam. Riwayat dari rawi-rawi keturunan Fatimah menerusi keturunan al-Hasan nampaknya tidak layak diterima menurut perkaedahan itu, kerana keturunan al-Hasan tidak ada yang diakui imam, kecuali jika rawi-rawi dari mazhab Imamiyyah itu membawa riwayat yang bersambung terus kepada al-Hasan sendiri, kerana al-Hasan adalah imam, malah beliau adalah *wasi* (penerima wasiat) yang kedua selepas Ali Ibn Abu Talib menurut kepercayaan mereka.<sup>9</sup>

Supaya lebih jelas kedudukan riwayat dari rawi-rawi bukan Syi'ah Imamiyyah, diperhatikan pula syarat-syarat asas yang perlu ada pada setiap

---

<sup>9</sup>*Ibid*, hal. 380.

rawi. Menurut Syi'ah Imamiyyah, rawi hendaklah berakal, cukup usia baligh, beragama Islam dan tepat dalam periwayatannya.<sup>10</sup>

Penyelidikan ini, ingin menumpukan perhatian kepada pensyaratan Islam, kerana ini ada kaitannya dengan periwayatan orang bukan Imamiyyah. Terdapat dua ungkapan yang berbeza tentang pensyaratan ini. Menurut Jamal al-Din al-Hilli<sup>11</sup> Syarat yang dikehendaki bagi melayakkan seseorang rawi membawa riwayat ialah beragama Islam, tetapi menurut sesetengah yang lain pula syaratnya ialah iman. Abu Zuhrah menarik perhatian bahawa pensyaratan ini menimbulkan dua pemikiran yang berbeza-beza di kalangan Syi'ah Imamiyyah sendiri, iaitu:

(i) Tidak memadai dengan pensyaratan iman, malah di samping itu dikenakan syarat Islam. Pendapat ini dipegang oleh segolongan ulama Syi'ah Imamiyyah.

(ii) Memadai dengan syarat iman sahaja, tanpa pensyaratan Islam. Pendapat ini merupakan pegangan kebanyakan Syi'ah Imamiyyah. Dua pemikiran ini membawa dua masalah sampingan berikut:

(a) Syi'ah Imamiyyah tidak menganggap orang fasik itu mukmin. Sebaliknya menganggap mereka sebagai muslim tetapi tidak mukmin. Pemikiran ini lebih dekat dengan pemikiran Mu'tazilah.

(b) Syi'ah menganggap aliran-aliran yang menentang mereka sebagai puak-puak Islam tetapi tidak beriman. Lanjutan kepada anggapan ini mereka memutuskan hukum, iaitu jika seorang membuat perakuan dengan katanya "Aku wakafkan harta ini kepada orang fakir dari kalangan orang mukmin," maka hanya termasuk orang fakir dari mazhab Imamiyyah sahaja. Tetapi jika ia berkata "Aku wakafkan harta ini kepada orang fakir dari kalangan orang Islam, maka termasuk padanya semua ahli *al-Qiblah* (orang yang bersolat mengadap ke arah ka'bah), sama ada dari pengikut

---

<sup>10</sup>*Ibid*, h. 381.

<sup>11</sup>Nama penuh beliau ialah al-Hasan Ibn Yusuf Ibn Ali, seorang ulama besar dalam mazhab Syi'ah Imamiyyah, dilahirkan di Iraq pada tahun 648 Hijrah dan meninggal pada tahun 726 H., Khayr al-Din al-Zereky, *al-A'lam*, Beirut, 1979, j. 2: h. 227.

Imamiyyah atau bukan Imamiyyah. Dari pemyaratan ini disimpulkan bahawa riwayat hadis dari aliran Sunni tidak dianggap *Sahih* oleh Syi`ah Imamiyyah, sekalipun rawi-rawinya terdiri dari orang yang mempunyai keilmuan dan ketaqwaan yang tinggi.

Abu Zuhrah menolak pendapat ini dan menyatakannya sebagai pendapat yang tidak bersumber dari Imam al-Sadiq pengasas mazhab Fiqh Syi`ah Imamiyyah sendiri. Beliau memberikan hujah dan alasan-alasan berikut:

(a) Imam-imam Malik, Abu Hanifah dan Sufyan al-Thawri pernah berguru kepada Imam al-Sadiq. Adalah tidak wajar bagi Imam al-Sadiq membenarkan murid-murid meriwayatkan ajaran mazhabnya, jika prinsipnya menolak riwayat dari rawi-rawi yang bukan dari aliran Imamiyyah, kerana dibimbangi mereka akan selewengkan ajarannya.

(b) Imam al-Sadiq berminat sekali mengikuti perkembangan kajian Fiqh di dunia Islam pada ketika itu. Imam Abu Hanifah pernah meriwayatkan mazhab Imam al-Sadiq, periwayatan ini membuktikan penghormatan Abu Hanifah terhadap Imam al-Sadiq. Dikatakan Imam al-Sadiq pernah berbincang 40 masalah dengan imam Abu Hanifah. Kesiediaan beliau mengadakan perbincangan ini menunjukkan Imam al-Sadiq tidak menyimpan sebarang niat buruk terhadap rawi-rawi hadith semata-mata kerana bukan dari aliran mazhabnya.

(c) Imam Abu Hanifah ada meriwayatkan bahawa Imam al-Sadiq pernah meriwayatkan dari Abdullah Ibn Umar, sedangkan Abdullah Ibn Umar bukannya dari Syi`ah, malah beliau tidak boleh dianggap sama sekali sebagai menyokong Syi`ah, Imam al-Sadiq tidak merasa apa-apa halangan untuk meriwayatkan hadis darinya, walaupun akidahnya tidak sejajar dengan Syi`ah.

(d) Imam Jaafar al-Sadiq adalah cucu kepada al-Qasim Ibn Muhammad Ibn Abu Bakr al-Sadiq. Al-Qasim adalah seorang ahli Fiqh yang sangat dihormati keilmuannya dan Penyebar Fiqh *Ahl al-Madinah*. Al-Qasim



adalah juga bapa kepada ibunya, Furwah yang meninggal dunia ketika al-Sadiq dalam usia muda dan sudah matang pencapaian keilmuannya, iaitu kira-kira 28 tahun. Adalah tidak mungkin bagi Imam al-Sadiq tidak mempelajari sedikit pun ilmu dari neneknya al-Qasim yang dididik oleh ibu saudaranya A'isyah dan Ibn Abbas. Penyelidikan ini juga tidak mempercayai al-Sadiq menganggap neneknya al-Qasim sebagai rawi yang lemah, dengan alasan neneknya bukan penyokong-penyokong Syi'ah, atau kerana neneknya bukan dari ulama yang menerima pendapat bahawa Imam hendaklah datang dari keturunan Ali dan anak-anak Sayyidina al-Husin Ibn Fatimah.

## **Kesimpulan**

Dari perbincangan di atas, beberapa kesimpulan dapat dibuat, iaitu:

- a) Disiplin hadis menurut Syi'ah Imamiyyah adalah terlalu sentimen, justeru itu, dalam usaha mendekatkan jurang pemisah antara dua aliran ini, Metodologi hadis seperti yang dibincang di atas perlu dikaji semula, kerana semangat taksib terlalu menebal ini, menyulitkan kita untuk mencari jalan penyelesaian dalam mengatasi perbezaan antara dua aliran ini.
- b) Jalan pendekatan yang masih boleh difikirkan ialah memastikan sama ada pendapat dan Metodologi itu benar bersumber dari Imam Ja'far al-Sadiq, pengasas mazhab Imamiyyah atau hanya dari rekaan imam-imam dalam mazhab Syi'ah yang mutakhir jua.

